# KERAJAAN NEGERI KELANTAN

## PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1993

### PENYENARAIAN BANK DI DALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa penyenaraian dua buah bank tempatan yang telah pun dilulus dan diwartakan.

1. Bank-bank yang telah diwartakan pada 27 Mei 1993 untuk dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 adalah seperti berikut:-

| **BANK** | **JADUAL D** | | **JADUAL 26A (104)** | |
|---|---|---|---|---|
| | **NO. WARTA** | **KUATKUASA** | **NO. WARTA** | **KUATKUASA** |
| 1. Southern Bank Berhad | KN.P.U.3 | 17.1.93 | Kn.P.U.4 | 17.1.93 |
| 2. Development and Commercial Bank Berhad | KN.P.U.5 | 25.1.93 | Kn.P.U.6 | 25.1.93 |

3. Oleh yang demikian, bank-bank yang tersebut di atas dengan ini layak dan boleh memegang gadaian tanah-tanah di Negeri Kelantan

**t.t**
**(Dato' Haji Ashaari Azmi B. Haji Abdullah)**
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**
**BLOK 3, KOTA DARUL NAIM**
**15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**BERTARIKH:** **24 Ogos 1993**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.

2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
   ( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)

3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
   (Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)

4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

5. Y.B. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.

7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.

8. Y.A.Brs Semua Ketua Jajahan, Kelantan.

9. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.

10. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL : PTG. KN. 4485**
**PTG. KN.17/2/17**
**PTG. KN. 3874**

**LAMPIRAN**

**KANUN TANAH NEGARA**

**KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN) 1993**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 14 Kanun Tanah Negara 1968, Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut :

Akta 56/65.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 1993 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 April 1993.

Pindaan Kaedah 10. Kn. P.U. 12/67.

2. Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan adalah dipinda di dalam sub-perenggan A kepada perenggan (b).

(a) Dengan memotong perkataan-perkataan “Provided that where land has been illegally occupied, a penalty premium of double the normal premium for the land as prescribed in the Rule shall be charged where the period of illegal occupations is not more than 5 years and 2 ½ times the premium shall be charged, where the period is excess of 5 years. The penalty premium for the land.”;

(b) dengan memotong perkataan “further” di antara perkataan “Provided” dan perkataan “that”.

Bertarikh pada 1hb. April 1993
(SUK.KN. P.U. Kn. 179)/